

**KESAN FILEM-FILEM TAYANGAN DI NETFLIX TERHADAP  
MASYARAKAT DI MALAYSIA SEMASA PANDEMIK COVID-19**  
(THE EFFECTS OF FILMS ON NETFLIX TO THE COMMUNITY IN MALAYSIA  
DURING THE COVID-19 PANDEMIC)

INTAN RAIHANA BINTI ROSLE<sup>1</sup> & MOHD SYUHAIIDI ABU BAKAR<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup>Kolej Pengajian Seni Kreatif, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Selangor, Kampus Puncak  
Perdana, 40150, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

syuhaidi@uitm.edu.my

*ABSTRAK*

Pasaran untuk perkhidmatan penstriman filem atas talian kini sangat kompetitif terutama sepanjang pandemik COVID-19 melanda negara kita. Netflix merupakan antara perkhidmatan penstriman filem atas talian yang mendapat perhatian di Malaysia. Kajian ini dijalankan secara kualitatif untuk meneroka jika filem-filem di Netflix memberikan kesan dari segi bahasa, pergaulan dan psikologi terhadap masyarakat di Malaysia. Pemetaan lokasi kajian yang dipilih ialah pengguna Netflix di Malaysia yang menggunakan platform tersebut untuk menonton filem semasa pandemik COVID-19. Pemilihan Informan menggunakan teknik persampelan bertujuan (*purposive sampling*) di mana kajian ini telah menemubual 10 orang Informan iaitu pengguna Netflix yang juga melanggan Netflix. Dapatan kajian mendapati, terdapat beberapa kesan filem-filem tayangan di Netflix terhadap masyarakat di Malaysia semasa pandemik COVID-19. Dari segi bahasa, filem tayangan di Netflix memberi peluang untuk mempelajari bahasa luar, mempelajari jalan cerita berdasarkan sarikata yang disediakan, dan mengukuhkan bahasa yang baru dipelajari. Selain itu, kesan lain juga adalah berkaitan dari segi pergaulan iaitu ada ciri-ciri anti sosial yang wujud. Informan juga mengatakan hubungan kekeluargaan makin akrab walaupun ada yang terganggu dengan penggunaan gajet untuk menonton filem. Dari segi psikologi, walaupun filem-filem tayangan di Netflix mampu mengubah emosi seseorang, terdapat kerisauan terhadap kandungan filem tidak ditapis dan terdapat kerisauan terhadap pengaruh negara luar kepada masyarakat di Malaysia. Terdapat juga beberapa kesan lain hasil penontonan filem-filem di Netflix terhadap masyarakat di Malaysia, iaitu dari segi ekonomi produksi televisyen, dapat menambah ilmu pengetahuan dan kesan dari segi kesihatan. Kajian yang telah dijalankan ini diharapkan dapat dijadikan rujukan kepada kajian-kajian pada masa hadapan mengenai filem-filem tayangan di Netflix.

*Kata Kunci: Filem, Netflix, Kesan, Bahasa, Pergaulan, Psikologi*

*ABSTRACT*

The online movie streaming services market is now very competitive, especially during the COVID-19 pandemic that has hit our country. Netflix is one of Malaysia's most popular online movie streaming services in Malaysia. This study was qualitatively conducted to explore whether Netflix movies have an impact in terms of language, socialization and psychology in Malaysian society. The mapping of the location of the selected study was the Netflix user in Malaysia who used the platform to watch movies during the COVID-19 pandemic. Informants were selected using the purposive sampling technique in which this study interviewed 10 Informants who are Netflix users and have watched movies on Netflix. The results of the study revealed that there were several effects of the movies shown on Netflix on the community in Malaysia during the COVID-19 pandemic. In terms of language, the films shown on Netflix offer the opportunity to learn foreign languages, learn the storyline based on the subtitles provided, and strengthen a newly learned language. Additionally, other effects are also linked in

terms of socialization which is the increase of anti-social traits. However, some claim that family ties are stronger although some are distracted by the use of gadgets. Although movies shown in Netflix can change a person's emotions which is related to the psychological effect, the content of unfiltered movies raises concerns, and the influence of foreign countries on Malaysian society raises concerns. There are also several other effects of films on Netflix in the Malaysian community, namely, in terms of the economic viability of television production, it can increase knowledge and has effects on health. It is hoped that this study can serve as a benchmark for future studies of movies streamed on Netflix.

*Keywords: Movies, Netflix, Effects, Language, Socialization, Psychology*

## **1. Pengenalan, Pemasalahan Kajian dan Objektif Kajian**

Penggunaan teknologi ketika ini sangat tinggi dan semuanya secara di atas talian ketika negara kita dilanda COVID-19. Ketika kes COVID-19 meningkat tinggi, kerajaan mengarahkan kepada semua rakyat untuk duduk di rumah sahaja dan tidak melakukan aktiviti di luar. Oleh itu, rakyat hanya bersosial dengan hanya menggunakan peranti elektronik seperti telefon bimbit, komputer riba dan sebagainya. Berikutan tentang perkara itu dengan penggunaan platform digital seperti Netflix secara tidak langsung meningkat tinggi di Malaysia ketika negara kita dilanda COVID-19 sebagai hiburan mereka di rumah bersama seisi keluarga. Seperti mana yang kita tahu platform digital Netflix ini sangat popular di dalam kalangan anak muda yang semakin mahir dalam penggunaan teknologi yang berkembang maju ini.

Menurut Siti Zabedah Mohd Shariff et al. (2013), Netflix adalah laman web popular yang digunakan oleh ramai orang untuk menonton filem. Walau bagaimanapun, ini juga merupakan cara bagi orang ramai untuk meneroka budaya dan bahasa lain. Netflix menawarkan kira-kira 37 bahasa yang berbeza, sehingga penonton dapat menikmati platform digital ini tanpa masalah. Walaubagaimanapun, ada yang mengatakan program kandungan yang disiarkan melalui platform digital Netflix mesti di tapis untuk kegunaan bawah umur. Walaupun penapisan tidak berada di bawah bidang kuasa Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), ia perlu di pandang serius kerana kandungannya boleh memberi kesan negatif jika tidak dipantau mulai sekarang. Kawalan kandungan program siaran Netflix perlu ditapis untuk mengelakkan kebimbangan ibubapa terhadap anak-anak mereka (Norhafzan Jaafar, 2019).

Hal ini berlaku kerana terdapat banyak filem di Netflix yang memaparkan kandungan yang tidak bermoral dan tidak had penggunaan oleh semua peringkat umur. Walaubagaimanapun penstriman filem atas talian menunjukkan peningkatan yang baik. Contohnya, filem yang ditayangkan di Astro First mengutip kutipan yang lebih baik berbanding filem tayangan pawagam pada tahun 2019 (Kamaruddin Razal, 2020). Sambutan ini positif kerana filem-filem di Malaysia membuat tayang terus ke rumah melalui Astro First selepas negara kita dilanda pandemik COVID-19 dan selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Ada yang berpendapat kesan daripada filem-filem tayangan di Netflix boleh dipengaruhi dari segi bahasa. Bahasa sangat penting dalam sesebuah masyarakat kerana melambang sifat keperibadian seseorang itu. Kewujudan teknologi yang kini meningkat maju menjadikan platform digital adalah salah satu medium di mana ia mampu memberikan sesuatu jalan yang mudah untuk seseorang individu itu memperbaiki kemahiran berbahasa mereka dengan lebih mudah. Tidak dinafikan segelintir masyarakat berpendapat bahawa cara mereka berbahasa adalah dari medium digital seperti menonton filem-filem yang mempunyai pelbagai jenis bahasa dan sebagainya. Bukan itu sahaja, segelintir masyarakat di luar berpendapat bahawa

platform digital seperti Netflix juga menjadikan seseorang itu boleh menjadi kurang bergaul. Tambahan pula, apabila kini negara kita dilanda pandemik COVID-19 yang menyebabkan semua urusan kita melalui atas talian dan kurang berinteraksi dengan orang sekeliling. Ini boleh menyebabkan seorang individu itu terbiasa dengan kehidupan seperti ini menyebabkan individu itu suka menyendiri tanpa sebarang gangguan. Masyarakat menjadi kurang bergaul antara satu sama lain kerana mereka akan banyak menggunakan peranti telefon bimbit daripada menonton filem ke pawagam sejak kemunculan platform digital Netflix ini. Kesannya sangat negatif kerana membolehkan seseorang itu menjadi *introvert* (Matrix, 2014).

Pada waktu yang sama, ada juga yang berpendapat platform Netflix mendatangkan pengaruh barat yang disebarkan melalui filem-filem yang dipertontonkan di seluruh dunia tanpa ada had umur untuk penggunaannya. Hal ini menyebabkan, masyarakat mudah terpengaruh dengan budaya barat dan menyebabkan generasi masa kini kurang mempunyai akhlak yang baik. Hal ini tercetus apabila, kita sendiri tahu yang kandungan filem di Netflix tidak ditapis. Filem yang tidak ditapis itu tersedia untuk tontonan umum melalui platform Netflix yang mengandungi kandungan yang tidak sesuai yang berpotensi dapat merosakkan masyarakat (Jenner, 2018). Kandungan filem di platform Netflix tidak ditapis lebih-lebih lagi untuk babak atau aksi – aksi yang boleh mendatangkan keburukan dan pengaruh yang tidak baik untuk semua lapisan umur. Netflix menyediakan penggunaannya dengan berbagai pilihan kandungan untuk dipilih sehingga keperluan hiburan mereka penuhi. Walaubagaimanapun ini memberi peluang kepada Netflix untuk memberi kesan psikologi kepada penonton.

Kajian daripada Alm (2019), Matrix (2014) dan Jenner (2018) menunjukkan terdapat tiga kesan filem-filem tayangan di Netflix kepada masyarakat iaitu kesan dari segi bahasa, pergaulan dan psikologi. Oleh itu objektif kajian ini adalah untuk meneroka jika filem-filem di Netflix memberi kesan dari segi bahasa, pergaulan, psikologi terhadap masyarakat di Malaysia semasa pandemik COVID-19. Kajian ini juga ingin melihat jika Netflix memberikan kesan-kesan lain terhadap masyarakat di Malaysia semasa pandemik COVID-19. Melihat kepada situasi industri perfileman kini yang lebih menggunakan atas talian, kajian ini dapat membantu masyarakat memahami tentang teknologi penstriman dan kesan tayangan filem platform digital kepada masyarakat.

## **2. Tinjauan Literatur**

### **2.1 Netflix dan Kesan dari Segi Bahasa Terhadap Masyarakat**

Netflix telah menjadi salah satu platform yang digunakan sepenuh masa ketika wabak penularan COVID-19 ini datang ke negara kita. Oleh hal yang demikian, kewujudan platform Netflix ini mendatangkan kebarangkalian untuk permintaan pengguna penstriman filem menjadi sangat tinggi. Hal ini kerana kebosanan yang melanda rakyat-rakyat Malaysia apabila terpaksa duduk di rumah atas arahan kerajaan berikutan kes penularan wabak COVID-19 meningkat tinggi. Orang ramai lebih memilih untuk menonton filem di atas talian berbanding menonton di televisyen kerana stesen TV pada masa kini lebih banyak memaparkan dokumentasi dan informasi berbanding filem atau drama. Justeru itu, Netflix menjadi tumpuan orang ramai untuk menonton drama mahupun filem. Terdapat banyak filem dan drama yang ada di platform berkenaan. Oleh itu, apabila ia menjadi permintaan ramai, mestilah ada kebaikan dan keburukan terhadap platform tersebut. Menurut Chapple dan Curtis (2000), kesannya akan dapat dilihat dari segi bahasa. Lebih-lebih lagi, kanak-kanak lebih mudah mempelajari sesuatu perkara berpandukan multimedia yang tersedia ada. Selain itu juga, seseorang dapat meningkatkan kemahiran berbahasa kerana Netflix mengutamakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantaraan untuk semua filem yang ditayangkan di platform itu. Filem digunakan untuk tujuan pedagogi untuk memotivasi pelajar bahasa dan mereka

mudah didapati dan bentuk alat bantu hiburan yang popular dalam pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing, untuk pelajar terutamanya sejak kebelakangan ini.

Berdasarkan idea ini, kita dapat mencuba untuk meneroka beberapa aktiviti pembelajaran yang dirancang untuk meningkatkan pembelajaran pelajar kemahiran mendengar aktif dan juga kemahiran bersepadu yang lain daripada penontonan filem. Bahasa yang digunakan dalam filem tetap juga dipersembahkan dalam konteks budaya yang betul kerana boleh menjadi berharga dengan meningkatkan penggunaan bahasa yang lebih sesuai. Seseorang individu itu lebih mudah belajar berbahasa dengan menonton dan mendengar sesuatu yang memudahkan berbanding dari membaca. Menurut Gruba (2006), filem dapat menarik perhatian pelajar dalam menyampaikan bahasa dengan cara yang lebih semula jadi yang terdapat dalam buku kursusnya. Filem juga menawarkan alat bantu visual yang membantu pelajar memahami dan meningkatkan kemahiran belajar mereka. Kini mengajar Bahasa Inggeris menjadi lebih mencabar daripada sebelumnya. Warga pendidik juga mendapat banyak alternatif mudah untuk mengajar pelajar-pelajar selepas ini.

## **2.2 Netflix dan Kesan dari Segi Pergaulan Terhadap Masyarakat**

Apabila seseorang itu banyak menggunakan peranti seperti telefon bimbit, ia akan mengakibatkan seseorang itu kurang bersosial dan berinteraksi. Individu ini lebih suka menyendiri dan melakukan kerjanya sahaja tanpa mengambil tahu hal sekeliling. Masyarakat ini akan menjadi kurang bersosial antara satu sama lain kerana mereka akan banyak menggunakan peranti telefon bimbit daripada menonton filem ke pawagam sejak kemunculan platform digital Netflix ini. Kesannya sangat negatif kerana membolehkan seseorang itu menjadi *introvert*. Tetapi menurut Pilipets (2019), Netflix dapat memuaskan keperluan pengguna untuk peningkatan sosial dan hiburan. Ramai pengguna Netflix mungkin menonton filem dan rancangan yang serupa. Mereka akan dapat meninjau, membalas, dan mengikuti perkembangan antara satu sama lain. Bukan itu sahaja, pengguna boleh membuat rakan baru dan meningkatkan sosialisasi mereka. Personaliti dan penggunaan laman sosial saling berkait kerana setiap personaliti mempunyai karakter dan tingkah laku yang berbeza-beza apabila berinteraksi dengan pengguna yang lain.

## **2.3 Netflix dan Kesan dari Segi Psikologi Terhadap Masyarakat**

Tiada penetapan had umur terhadap penggunaan Netflix. Kita juga sedia maklum bahawa kandungan filem-filem di Netflix juga tiada tapisan. Di Malaysia, majoriti penduduk adalah penganut agama Islam. Jadi, banyak batasan dan sensitiviti yang perlu dijaga. Malah, isi kandungan setiap filem yang ditayangkan tidak akan ditapis. Cuma ia terhad mengikut negara dan kawasan tertentu. Dalam pengamatan pengkaji, dasar ini masih lagi kekal sehingga kini meskipun ada beberapa pengguna yang telah menzahirkan kebimbangan terhadap kebebasan kandungan Netflix yang semestinya penuh dengan adegan seksual, elemen LGBT, dan juga aksi ganas. Menurut Ng (2017), filem untuk kanak-kanak adalah di antara pelbagai pilihan multimedia yang ada pada masa ini. Multimedia mempunyai kesan yang signifikan terhadap perkembangan psikologi kanak-kanak yang sering dieksplorasi dengan bahan yang tidak sesuai, termasuk filem yang boleh diakses dalam talian atau melalui saluran multimedia yang lain. Walaupun tidak semua filem itu menjanjikan keburukan, ada kesan negatif dari bahasa yang menyinggung hati, keganasan dan seksualiti seperti yang dipamerkan dalam filem. Ibu bapa dan bimbingan anak-anak memerlukan semua bantuan untuk mempromosikan penggunaan filem secara sihat pada hari ini.

Ada kandungan di dalam filem yang perlu dielakkan oleh para pengguna dengan menukar tetapan aplikasi tersebut. Menurut Hasnim Suhana (Komunikasi Peribadi, Jun 15,

2021), klasifikasi filem yang ada di atas platform Netflix ini mengikut had umur dan dapat dilihat melalui label-labelnya seperti 7+, 13+, 16+, dan 18+. Di samping itu, label-label yang disenaraikan diatas juga mempunyai maksud tersendiri seperti *violence* (keganasan), *language* (penggunaan bahasa), *sex* (adegan seksual), *substance* (penyalahgunaan dadah atau alkohol) dan *nudity* (kelucahan) boleh menjadi kayu pengukur sejauh mana isi kandungannya boleh ditonton secara umum. Menurut kajian daripada Asma Md Isa et al. (2020), ibu bapa perlu menyekat atau mengehadkan aplikasi dan ciri tertentu alat peranti yang digunakan oleh anak mereka.

### **3. Kaedah Kajian**

Kajian ini berbentuk kualitatif dan telah menggunakan kaedah temubual. Seramai 10 orang Informan telah ditemubual untuk meneroka jika filem-filem di Netflix memberikan kesan dari segi bahasa, pergaulan dan psikologi terhadap masyarakat di Malaysia. Informan-informan untuk kajian ini telah melanggan Netflix untuk jangkamasa satu sehingga lima tahun. Data telah dianalisa secara verbatim. Kajian daripada Creswell (1998) mengesyorkan sehingga 10 Informan untuk sesuatu kajian berbentuk temubual tetapi pada akhirnya, bilangan Informan yang diperlukan harus bergantung pada saat ketepuan dicapai. Kutipan data telah terhenti apabila semua Informan memberikan maklumat yang sama dan ketepuan data (*saturation point*) telah dicapai. Ketepuan data bermaksud Informan terakhir telah mengulangi informasi yang diberikan oleh Informan yang terdahulu.

Untuk kajian ini, Informan adalah dipilih berdasarkan persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Persampelan bertujuan bermaksud sampel daripada satu populasi yang dipilih untuk tujuan kajian. Melalui persampelan bertujuan ini, pengkaji telah memilih responden mengikut pertimbangan yang paling sesuai dan tepat dengan kajian yang dilaksanakan (Juhazren Bin Junaidi & Nuraina Binti Azhari, 2010). Informan-Informan yang ditemu bual memberikan pandangan yang berlainan tentang kesan filem-filem tayangan di Netflix terhadap rakyat Malaysia semasa pandemik COVID-19. Hal ini kerana, kajian ini menemu bual Informan-Informan yang berlainan latar belakang untuk mendapatkan data terbaik bagi melengkapi kajian. Antara latar belakang Informan yang pengkaji temu bual adalah dari kalangan pelajar universiti yang juga merupakan golongan remaja kerana golongan ini adalah golongan yang sering menonton filem tayangan Netflix di rumah kerana keadaan pandemik COVID-19.

### **4. Dapatan Kajian**

#### ***4.1 Kesan Filem-Filem Tayangan di Netflix terhadap Masyarakat di Malaysia Semasa Pandemik COVID-19 dari Segi Bahasa***

Temubual berstruktur yang telah dijalankan bersama 10 orang Informan telah mendedahkan pelbagai kesan setelah menonton filem-filem yang ditayangkan di Netflix semasa pandemik COVID-19 berlaku di dalam negara kita. Hal ini kerana, ianya dikaitkan dengan situasi semasa iaitu dalam pandemik COVID-19 yang menyukarkan pergerakan untuk keluar dari rumah bagi menonton filem. Antara kesan-kesan yang dinyatakan oleh Informan adalah kesan dari segi bahasa, pergaulan, psikologi dan kesan lain. Kesan yang pertama lebih memfokuskan kepada kesan dari segi bahasa yang mana Informan memberi respon yang positif seperti dapat mempelajari bahasa luar, dapat memahirkan penggunaan kosa kata, memperbetulkan sebutan dalam pelbagai bahasa dan mempelajari pelbagai tatabahasa baru dari pelbagai pelusuk negara atau kaum.

- **Memberi Peluang untuk Mempelajari Bahasa Luar**

Menurut Informan 1, beliau menganggap dengan menonton filem-filem tayangan di Netflix dapat memberi kesan dari segi bahasa dengan peluang untuk mempelajari bahasa luar. Tambahan pula ketika pandemik COVID-19 berlaku kita banyak menghabiskan masa dengan duduk di rumah sahaja jadi peluang dan ini memberikan ruang untuk menonton filem-filem di Netflix. Jika kita dapat lihat di Netflix bukan sahaja filem-filem bahasa Inggeris sahaja yang ada malah dari bahasa lain juga ada melalui filem-filem dari Turki, Korea, China dan banyak lagi. Dari situ bukan sahaja kita pelajari bahasa baru tapi dapat banyak ilmu berkaitan dengan bahasa mereka. Ketika pandemik COVID-19 berlaku kita tidak hanya membuang masa tetapi menambah ilmu dengan mempelajari bahasa dari luar negara kita iaitu Malaysia. Informan 5 juga bersependapat dengan Informan 1 iaitu beliau mengatakan bukan sahaja dapat mempelajari bahasa baru malah dapat memperbetulkan bahasa-bahasa yang biasa kita gunakan dengan sebutan yang lebih sempurna dan baik. Sesetengah masyarakat sangat mementingkan bahasa kerana bahasa melambangkan bangsa kita. Tambah beliau lagi, dengan menggunakan bahasa yang baik, kita dapat mencerminkan identiti sesebuah negara itu. Hal ini boleh dikaitkan kerana Informan 5 sebagai ketua keluarga yang mempunyai anak yang masih kecil dan mestilah menunjukkan teladan yang baik supaya anak-anak beliau dapat dididik dengan lebih baik dan menjadi masyarakat yang berguna apabila dewasa nanti. Beliau berkata begitu kerana, anak-anak kecil ini akan menjadikan ibu bapanya sebagai *role model* yang utama di rumah sebelum mereka melangkah ke alam persekolahan suatu ketika nanti.

- **Mempelajari Jalan Cerita Berdasarkan Sarikata yang Disediakan**

Informan 3 berpendapat bahawa filem-filem tayangan di Netflix telah menyediakan sarikata supaya penontonnya lebih memahami jalan cerita yang dipaparkan walaupun filem tersebut itu dari negara luar. Tambahan pula, ketika ini anak muda lebih memilih filem-filem dari negara luar seperti Korea jadi mereka akan lebih banyak menggunakan platform Netflix berbanding platform lain untuk menonton filem-filem Korea. Selain itu juga menurutnya, dengan harga yang dibayar lebih kurang RM17 sebulan adalah lebih murah berbanding platform penstriman digital yang lain. Harga langganan sesebuah filem yang dinyatakan di platform Netflix sangat berpatutan untuk tontonan bersama keluarga. Hal ini kerana, tidak semua keluarga mampu membayar harga yang tinggi untuk menonton filem di pawagam kerana satu pembayaran hanya membolehkan seorang sahaja untuk masuk dan semestinya ketika menonton filem mereka perlu membeli makanan seperti bertih jagung, minuman dan lain-lain.

- **Mengukuhkan Bahasa yang Baru Dipelajari**

Bagi Informan 2, Informan 4 dan Informan 7 pula, mereka mengatakan bahawa dengan menonton filem-filem tayangan di Netflix, mereka dapat mengukuhkan tatabahasa mereka. Hal ini terjadi apabila Netflix adalah salah satu platform yang menyediakan pelbagai jalan cerita dari luar dan dalam negara. Jadi daripada kesempatan ini, penonton dapat mengenalpasti tatabahasa sama ada salah atau pun betul. Informan 2 berpendapat beliau tertarik untuk menonton sebuah filem apabila menonton filem-filem yang berbahasa Inggeris kerana dari situ beliau dapat mempelajari bahasa tersebut dengan lebih baik. Ada sesetengah masyarakat kita mereka lebih suka belajar bahasa Inggeris berdasarkan dengan menonton filem kerana ia lebih mudah difahami. Baginya, setiap orang caranya berbeza-beza jadi untuk Informan 2, beliau lebih memilih untuk mengukuhkan penguasaan berbahasa dengan menonton filem sebegini. Menurut Informan 4, pemilihan filem yang ada dalam Netflix juga perlu dipilih dengan berhati-hati kerana ada juga sesetengah jalan cerita yang menggunakan

bahasa yang agak tidak sopan dan tidak baik untuk didengari oleh masyarakat seperti kita di Malaysia. Selain itu juga, beliau berkata ini berbeza dengan filem – filem di televisyen yang bahasanya sudah ditapis sebelum disiarkan untuk tontonan ramai. Beliau juga kerap meluangkan masa dengan menonton Netflix berbanding televisyen kerana banyak filem yang boleh ditontonnya. Informan 7 pula berkata, perkara yang membuatkan beliau tertarik akan sesebuah filem-filem tayangan di Netflix untuk menonton adalah apabila filem tersebut seronok ditonton berbanding yang ditawarkan oleh syarikat televisyen. Baginya, Netflix juga ada menyediakan *trailer* yang menarik yang boleh memberi impak kepada penonton yang dapat membuatkan penonton tidak sabar untuk menonton filem penuh. Katanya lagi, beliau sering menonton *trailer* dahulu untuk memastikan sama ada filem tersebut menarik atau tidak menarik untuk ditonton.

#### ***4.2 Kesan Filem-Filem Tayangan di Netflix terhadap Masyarakat di Malaysia Semasa Pandemik COVID-19 dari Segi Pergaulan***

- **Kewujudan Ciri-Ciri Anti Sosial**

Menurut Informan 3, beliau berkata bahawa filem-filem yang ditayangkan di Netflix boleh mendatangkan kesan yang negatif dari segi pergaulan dimana apabila seseorang terlampau taksud dengan menonton filem -filem yang ada di Netflix, mereka akan lupa untuk bersosial bersama kawan-kawan yang lain. Tambahan pula, ketika negara kita telah dilanda pandemik COVID-19, masyarakat menjadi tertekan dan bosan lebih-lebih lagi apabila kerajaan meminta kita untuk duduk di rumah dan tidak keluar kemana-mana. Maka, potensi untuk menjadikan kita seseorang yang anti-sosial sangat tinggi kerana tidak berjumpa sesama masyarakat. Apabila negara kita ditimpa pandemik COVID-19 secara tiba-tiba, masyarakat yang terbiasa dengan rutin harian mereka akan menjadi tepu dan kaku apabila mereka terpaksa duduk di rumah sahaja. Oleh hal yang demikian, sosial media dan platform digital adalah salah satu perkara menjadi keutamaan untuk mengisi masa mereka apabila berada dirumah sepanjang hari. Menurut Informan 3 lagi, filem – filem tayangan di Netflix menjadi pilihan ketika negara kita dalam sekatan pergerakan iaitu di mana penduduk negara kita diminta untuk tidak melakukan apa-apa pergerakan. Maka, masing-masing bersaing untuk menonton tayangan filem di Netflix. Jadi potensi menjadi anti-sosial itu sangatlah tinggi kerana permintaan dan penggunaan platform Netflix meningkat secara mendadak. Tambahnya lagi, filem-filem di Netflix juga tidak kurang hebatnya kerana pelbagai negara cuba memberikan kualiti filem yang terbaik untuk tontonan seluruh dunia.

- **Hubungan Kekeluargaan Makin Akrab**

Informan 5 dan Informan 6 pada mulanya beranggapan kesan penontonan Netflix dari segi pergaulan hanya menjurus kepada kesan negatif tetapi ia tidak benar sama sekali. Oleh kerana kos kehidupan yang sangat tinggi, masyarakat amat mementingkan kewangan dan tanggungjawab berbanding meluangkan masa bersama keluarga. Jadi kerja menjadi keutamaan berbanding mengisi masa bersama keluarga tercinta. Jadi apabila berlakunya PKP ketika itu, mereka masing-masing mempunyai masa untuk bersama dan melakukan aktiviti bersama seperti menonton filem-filem di Netflix. Menurut Informan 5 dan Informan 6, filem-filem yang mempunyai unsur jenaka juga dapat membantu para penonton menghilangkan tekanan yang dihadapi semasa berlakunya PKP kerana mereka tidak boleh melakukan perkara yang biasa dilakukan ketika cuti atau masa lapang seperti berjalan-jalan dan membeli-belah. Tambahan pula, keadaan tidak mengizinkan mereka untuk keluar dengan

bebas seperti dahulu, perlu memakai pelitup muka (*face mask*) dan tidak boleh menonton di pawagam.

- **Terganggu dengan Penggunaan Gajet**

Informan 6 pula mempunyai pendapatnya tersendiri tentang kesan penontonan Netflix dari segi pergaulan. Beliau berpendapat ada sesetengah masyarakat yang sanggup menghabiskan masa selama 24 jam sehari dengan penggunaan gajet untuk bermain permainan atas talian, menonton filem atas talian dan sebagainya. Jadi, mereka suka bersendirian daripada berkomunikasi bersama orang lain. Hal ini agak membimbangkan kerana tindakan ini menjadi kurang sihat dan membolehkan seseorang itu bertukar menjadi *introvert* dan hanya dalam dunianya sahaja dan ini amat membimbangkan. Ada segelintir masyarakat sanggup menghabiskan masa mereka dengan keseorangan dan tidak mahu diganggu oleh orang lain dan tidak mahu bersosial. Mereka berpendapat dengan tidak bersosial kehidupan mereka akan lebih tenang. Informan 9 mementingkan komunikasi ketika pandemik COVID-19 melanda negara kita. Beliau beranggapan komunikasi adalah penting kerana akan tiba satu tahap masyarakat akan mengalami tekanan kerana tidak dapat keluar kemana-mana dan hanya duduk di rumah sahaja. Bekerja dan belajar hanya di atas talian dan membuatkan mereka menjadi tertekan. Maka, komunikasi sangat penting antara satu sama lain kerana kita perlu belajar untuk tidak menjadi seseorang yang memendam masalah yang dihadapi dan akibatnya akan menjurus kepada kemurungan dan kebimbangan. Filem-filem di Netflix ini adalah salah satu platform atas talian yang boleh kita tonton bersama-sama dan bukan berseorangan sahaja.

#### ***4.3 Kesan Filem-Filem Tayangan di Netflix terhadap Masyarakat di Malaysia Semasa Pandemik COVID-19 dari Segi Psikologi***

- **Mampu Mengubah Emosi Seseorang**

Menurut Informan 8 dan Informan 9, filem-filem tayangan di Netflix juga memberi kesan dari segi psikologi di mana pelbagai bentuk cerita dan jalan cerita yang tersedia oleh platform digital itu. Kita sedia maklum bahawa ketika pandemik COVID-19 melanda dan tiada pergerakan dilakukan, masyarakat tiba-tiba bertukar emosi dan menjadi tertekan. Segelintir masyarakat ada juga yang sanggup untuk membunuh diri kerana tidak mampu mengawal tekanan yang terjadi pada diri mereka. Ini adalah salah satu perkara yang perlu dijauhi. Jadi, bila adanya platform Netflix ini kita dapat menghilangkan tekanan ketika bekerja atau belajar dengan menonton filem-filem yang kita inginkan. Sebagai contoh, ada yang memilih cerita yang berunsurkan jenaka untuk menghilangkan tekanan mereka. Emosi yang sedih akan bertukar ceria dengan pemilihan filem-filem yang baik.

- **Kerisauan terhadap Kandungan Filem Tidak Ditapis**

Informan 8 juga mempunyai pandangan bahawasanya kandungan filem-filem di Netflix tidak ditapis. Hal ini menyebabkan ia agak berbahaya jika kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah menggunakan platform ini tanpa pengawasan ibu bapa mereka. Jadi sebagai ibu bapa, penggunaan Netflix kepada anak-anak perlu ditapis untuk mengelakkan perkara yang tidak dingini berlaku. Hal ini boleh diubah dengan ibu bapa perlu set tetapan kepada mod penontonan kanak-kanak sahaja. Set tetapan yang ditetapkan oleh Netflix sangat mudah dan tidak merumitkan. Jadi, ibu bapa tidak akan risau lagi jika sudah menukarkannya kepada mod penggunaan kanak-kanak kerana mereka tidak boleh melihat kandungan filem yang melampaui umur mereka dan yang boleh mendatangkan keburukan kepada diri anak-anak kecil ini pada masa akan datang. Kita juga tidak menjangka kandungan filem-filem seperti ini

kerana filem-filem ini dari seluruh pelusuk dunia. Jadi berkemungkinan apa yang diperlihatkan didalam sesuatu filem itu adalah sebahagian daripada perjalanan kehidupan di negara mereka. Sebagai pengguna platform Netflix, kita perlu bijak dengan pemilihan filem-filem yang akan dipertontonkan nanti. Kandungan filem-filem yang diperlihatkan seperti penyalahgunaan dadah, jenayah, pembunuhan, pergaulan tanpa batasan, seks bebas diantara lelaki dan perempuan dan sebagainya boleh dielakkan.

- **Kerisauan terhadap Pengaruh Negara Luar**

Menurut Informan 10, filem-filem tayangan di Netflix kadang-kadang boleh mendatangkan keburukan kepada seseorang itu. Hal ini kerana, setiap orang mempunyai pemikiran yang berbeza selepas menonton filem-filem yang ada di Netflix. Di negara luar, kita boleh katakan kehidupan mereka bebas melakukan apa sahaja oleh kerana agama mereka seperti itu dan budaya di negara mereka sudah terbiasa dengan sesetengah perkara yang berbeza berbanding negara kita. Ini berbeza dengan kita di Malaysia yang majoritinya adalah negara Islam yang mempunyai peraturan dan ajaran yang masyarakat yang beragama Islam dan dituntut untuk mematuhi supaya tidak tersasar dari akidah. Jadi pemilihan filem-filem tayangan di Netflix perlu menitikberatkan kandungannya supaya kita tidak mendapat kesan yang buruk di kemudian hari. Pengaruh negara luar sangat mudah berlaku oleh kerana penonton banyak menonton filem-filem daripada negara luar. Selain itu juga, penggunaan platform lain juga banyak memberi kesan yang negatif kepada seseorang itu. Tambahnya lagi, ketika pandemik COVID -19 melanda negara, penonton mempunyai banyak masa terluang untuk menonton filem-filem dari negara luar dan bukan sahaja dari negara kita sendiri. Maka, potensi untuk terpengaruh dengan budaya negara luar adalah sangat tinggi.

#### ***4.4 Kesan Lain-Lain Filem-Filem Tayangan di Netflix terhadap Masyarakat di Malaysia Semasa Pandemik COVID-19***

- **Ekonomi Produksi Televisyen**

Menurut Informan 7 dan Informan 8, kemajuan teknologi di Malaysia berkembang maju dengan baik. Hal ini dilihat dari sudut peralihan zaman daripada menonton televisyen kepada penggunaan telefon bimbit untuk menonton filem. Kita juga dapat melihat dari sudut filem-filem yang ditayangkan di televisyen berbanding dalam platform digital pada zaman kini. Sebagai contoh platform digital yang diperkenalkan di Malaysia seperti Netflix, Iflix, Tonton dan banyak lagi. Masyarakat pada masa kini mempunyai lebih banyak pilihan dalam pemilihan penontonan dan lebih banyak menggunakan telefon bimbit untuk menonton filem-filem di atas talian kerana lebih mudah dan lebih fleksibel untuk menonton pada bila-bila masa. Kini, semuanya diujung jari sahaja. Jadi masyarakat lebih menginginkan kemudahan yang lebih cepat dan pantas. Melihat keadaan negara kita dilanda pandemik COVID-19 yang sudah menjangkau lebih 2 tahun lamanya secara tidak langsung akan memberikan kesan yang sangat mendalam kepada pengkarya-pengkarya di luar sana untuk memberikan filem-filem yang terbaik kepada masyarakat di Malaysia. Oleh hal yang demikian, penontonan filem di televisyen berkurang secara mendadak oleh sebab kemunculan platform digital Netflix. Kehadiran platform digital adalah salah satu akibat daripada proses pendigitalan yang sudah semestinya perlu dilakukan oleh manusia pada hari ini. Tanpa pendigitalan, aktiviti manusia dalam pelbagai bidang akan ketinggalan. Oleh kerana masyarakat Malaysia kini mempunyai lebih pilihan penontonan, maka ekonomi produksi televisyen akan sedikit terkesan kerana penawaran filem secara atas talian adalah lebih fleksibel.

- **Menambah Ilmu Pengetahuan**

Menurut informan 2 dan informan 4, platform penstriman Netflix bukan tempat untuk kita bersosial dengan menonton filem-filem biasa sahaja. Platform Netflix juga ada menyediakan filem dokumentari yang bertujuan untuk beri maklumat dan perluaskan jangkauan tentang sesuatu maklumat yang akan disampaikan kepada masyarakat. Bukan sahaja untuk kita bersosial malah kita juga mendapat maklumat yang berguna ketika menonton filem berbentuk sebegini. Tambah mereka lagi, filem dokumentari berbentuk sebegini ialah filem bukan cereka yang bertujuan untuk mendokumenkan beberapa aspek realiti yang lazim berpusat kepada sesuatu peristiwa atau kejadian benar. Bukan hanya di televisyen sahaja kita boleh menonton filem berbentuk dokumentari seperti ini tetapi kini di platform digital Netflix juga turut tersedia. Semuanya hanya diujung jari dan kini lebih mudah untuk kita mencari dan menontonnya. Seajar dengan berlakunya pandemik COVID-19, pelbagai jalan cerita filem yang dimasukkan ke dalam platform Netflix untuk tontonan bersama di rumah. Oleh sebab itu, penggunaan platform penstriman Netflix meningkat tinggi ketika pandemik COVID-19 melanda seluruh negara sehingga kini.

- **Kesihatan**

Menurut Informan 5, kesan penontonan platform penstriman Netflix dari segi kesihatan juga perlu dititikberatkan. Hal ini kerana ramai anak-anak kecil pada zaman ini sudah memakai kaca mata seawal berumur 7 tahun. Hal ini disebabkan oleh tiadanya pemantauan dari ibu bapa supaya menghadkan penggunaan gajet. Tambahnya lagi, lagi merisaukan apabila negara kita melaksanakan PKP dan anak-anak duduk di rumah sepanjang masa dan dapat ke sekolah. Gajet telah menjadi keutamaan bagi mereka untuk menggunakan platform digital yang sedia ada pada zaman ini. Ibu bapa mahupun penjaga juga sibuk dengan rutin harian dan tiada masa untuk memantau keadaan anak-anak. Justeru itu, anak-anak lebih suka menggunakan gajet-gajet kerana mereka boleh menonton filem kartun kegemaran mereka yang terdapat di dalam Netflix, YouTube dan sebagainya. Mereka juga tidak menjaga waktu permakanan mereka kerana terlalu khusyuk menggunakan gajet. Perkembangan minda anak-anak kecil perlu diberikan perhatian kerana jika diabaikan ia akan menjejaskan proses pembesaran mereka kerana terlalu memberikan perhatian kepada gajet berbanding kegiatan lain seperti kegiatan yang memerlukan pergerakan fizikal.

## **5. Kesimpulan**

Dapatan kajian telah memperlihatkan bahawa kebanyakan rakyat Malaysia yang melanggan filem di Netflix adalah untuk meluangkan masa mereka dan salah satu cara mereka bersosial sepanjang PKP dalam keadaan pandemik COVID-19 yang berlaku sekarang. Selain itu, dari hasil daripada tontonan tayangan filem di Netflix ini juga kita dapat melihat banyaknya kesan-kesan yang terhasil terhadap masyarakat di Malaysia sama ada dari kesan yang positif mahupun kesan yang negatif. Kajian ini telah meneroka kesan-kesan filem tayangan di Netflix terhadap masyarakat di Malaysia semasa pandemik COVID-19. Berdasarkan kajian yang telah dibuat, ianya boleh disimpulkan bahawa penayangan filem-filem di Netflix memberikan kesan-kesan yang tersendiri. Dapatan kajian mendapati, terdapat beberapa kesan filem-filem tayangan di Netflix terhadap masyarakat di Malaysia semasa pandemik COVID-19. Dari segi bahasa, filem tayangan di Netflix memberi peluang untuk mempelajari bahasa luar, mempelajari jalan cerita berdasarkan sarikata yang disediakan dan mengukuhkan bahasa yang baru dipelajari. Selain itu, kesan lain juga adalah berkaitan dari segi pergaulan iaitu ada

ciri-ciri anti sosial yang wujud. Informan juga mengatakan hubungan kekeluargaan makin akrab walaupun ada yang terganggu dengan penggunaan gajet untuk menonton filem. Dengan kata lain, terdapat unsur gangguan hasil penggunaan gajet terhadap cara berkomunikasi. Dari segi psikologi, walaupun filem-filem tayangan di Netflix mampu mengubah emosi seseorang, terdapat kerisauan terhadap kandungan filem tidak ditapis dan terdapat kerisauan terhadap pengaruh negara luar kepada masyarakat di Malaysia. Terdapat juga beberapa kesan lain hasil penontonan filem-filem di Netflix terhadap masyarakat di Malaysia, iaitu dari segi ekonomi produksi televisyen, dapat menambah ilmu pengetahuan dan kesan dari segi kesihatan. Kajian ini mencadangkan platform digital Netflix untuk menambah baik isi kandungan yang terdapat di Netflix kerana kebanyakan pengguna yang ditemubual memberikan maklumbalas yang negatif terhadap isi kandungan platform penstriman ini. Walaubagaimanapun, kajian ini telah membuktikan bahawa peredaran masa kini yang lebih memfokuskan filem-filem di atas talian telah menjadikan platform penstriman Netflix ini akan terus mendapat perhatian daripada penonton di Malaysia.

## Rujukan

- Alm, A. (2019). *Piloting Netflix for intra-formal language learning*. Dipetik daripada [https://www.researchgate.net/publication/337841063\\_Piloting\\_Netflix\\_for\\_intra-formal\\_language\\_learning](https://www.researchgate.net/publication/337841063_Piloting_Netflix_for_intra-formal_language_learning)
- Asma Md Isa, Wan Amizah Wan Mahmud, & Wan Idros Wan Sulaiman. (2020). *The Combining of intrinsic and extrinsic motives for employing OTT media and comprehending the audience's gratification in Malaysia*. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(3), 266-280.
- Chapple, L., & Curtis, A. (2000). *Content-based instruction in Hong Kong: Student responses to film*. *System*, 28(3), 419-433.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches*. Sage publications.
- Gruba, P. (2006, May). *Playing The Videotext: A Media Literacy Perspective On Video-Mediated L2 Listening*. Dipetik Januari 21, 2022, daripada [https://scholarspace.manoa.hawaii.edu/bitstream/10125/44062/1/10\\_02\\_gruba.pdf](https://scholarspace.manoa.hawaii.edu/bitstream/10125/44062/1/10_02_gruba.pdf)
- Jenner, M. (2018). *Introduction: Netflix and the Re-invention of Television*. *Netflix and The Re-Invention of Television*, 1–31. [https://doi.org/10.1007/978-3-319-94316-9\\_1](https://doi.org/10.1007/978-3-319-94316-9_1)
- Jenner, M. (2018). *The Netflix audience*. *Netflix and the Re-Invention of Television*, 241–259. [https://doi.org/10.1007/978-3-319-94316-9\\_13](https://doi.org/10.1007/978-3-319-94316-9_13)
- Juhazren Bin Junaidi & Nuraina Binti Azhari. (2010, December 16). *Kajian Sejauh Manakah Pelajar Tahun Empat fakulti Pendidikan Menggunakan Perkhidmatan E-Learning secara wireless di Sekitar Kampus UTM*. Dipetik Oktober 16, 2021, daripada [http://eprints.utm.my/id/eprint/11495/1/Kajian\\_Sejauh\\_Manakah\\_Pelajar\\_Tahun\\_Empat\\_Fakulti\\_Pendidikan\\_Menggunakan\\_Perkhidmatan\\_E-Learning\\_Secara\\_Wireless\\_Di\\_Sekitar\\_Kampus\\_UTM.pdf](http://eprints.utm.my/id/eprint/11495/1/Kajian_Sejauh_Manakah_Pelajar_Tahun_Empat_Fakulti_Pendidikan_Menggunakan_Perkhidmatan_E-Learning_Secara_Wireless_Di_Sekitar_Kampus_UTM.pdf)
- Kamaruddin Razal. (2020, Jun). *Dapat sambutan positif, filem Malaysia membuat tayangan terus ke rumah melalui astro first*. *Gempak.com*. Dipetik January 21, 2022, daripada <https://gempak.com/berita-terkini/dapat-sambutan-positif-filem-malaysia-membuat-tayangan-terus-ke-rumah-melalui-astro-first-37123>
- Matrix, S. (2014). *The Netflix effect: Teens, binge watching, and on-demand digital media trends*. *Jeunesse: Young People, Texts, Cultures*, 6(1), 119-138.
- Ng, Y.-K. (2017). *Movrec: A personalized movie recommendation system for children based on online movie features*. *International Journal of Web Information Systems*, 13(4), 445–470. <https://doi.org/10.1108/ijwis-05-2017-0043>
- Norhafzan Jaafar. (2019, November 16). *Kawal kandungan program siaran Netflix elak kebimbangan ibu bapa*. *Berita Harian*. Dipetik daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/629027/kawal-kandungan-program-siaran-netflix-elak-kebimbangan-ibu-bapa>.
- Pilipets, E. (2019). *From Netflix streaming to Netflix and chill: The (dis) connected body of serial binge-viewer*. *Social Media+ Society*, 5(4).
- Siti Zabedah Mohd Shariff, Ismail Sualman, & Eka Diana Adirawan. (May 2013). *Fostering Unity among Malaysians: A Case Study on the Local Film Industry*. *International Journal of Humanities and Social Science*, 3(10).